

**Kempen 'katakan tidak pada Isa Samad'
Malaysiakini.com
Disember 29, 2010**

Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) akan menggerakkan kempen pungutan tandatangan seluruh warga Felda sebagai membantah pelantikan Tan Sri Isa Samad sebagai pengerusi baru Felda.

Presiden ANAK, Mazlan Aliman (kiri) berkata, gerakan mengutip tandatangan itu akan bermula 1 Januari depan.

Tandatangan tersebut akan diserahkan sendiri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam tempoh sebulan.

Mazlan memberitahu demikian dalam satu kenyataan hari ini sebagai mengulas pelantikan Isa sebagai pengerusi baru Felda.

"Jika ianya gagal melembutkan pendirian perdana menteri, satu memorandum akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memohon campurtangan seri paduka," tambahnya.

Di samping itu, katanya, pelbagai bentuk kempen akan dilakukan bagi memastikan Isa (kanan) tidak akan dinobatkan sebagai pengerusi baru Felda.

"Perdana menteri telah melakukan kesilapan besar atas perantikan ini. Katakan tidak kepada Isa Samad!" tambahnya.

Menurut Mazlan, beliau telah menerima puluhan SMS dan panggilan telefon membantah perantikan Isa dan mendesak supaya sesuatu dilakukan.

"Justeru menjaga kepentingan warga Felda, saya mewakili warga Felda mendesak perdana menteri menarik balik perantikan Tan Sri Isa sebagai pengerusi Felda.

Katanya, ANAK sangat dukacita dengan pengumuman perantikan Isa (kanan) kerana beliau mempunyai rekod yang buruk, untuk menerajui Felda yang merupakan sebuah GLC terpenting milik Orang Melayu.

Mazlan berkata, Isa pernah disabitkan dengan tuduhan politik wang ketika bertanding jawatan naib presiden Umno pada 2004 yang mendapat liputan meluas mengenainya.

Berikutan itu, katanya, Isa digantung keahliannya dalam Umno selama enam tahun.

"Kenapa tidak dilantik di kalangan mereka, yang sekurang-kurangnya boleh menandingi pencapaian Tan Sri Raja Alias, bekas pengerusi Felda dulu," tambahnya.

